

**Parlimen: Kerajaan Sedang Kenal Pasti Tanah Untuk Bina Rumah Mampu Milik
Bernama
15 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Beberapa kawasan tanah milik kerajaan pusat yang tidak dibangunkan sedang dikenal pasti untuk pembinaan kira-kira 50,000 unit rumah mampu milik terutama di Lembah Klang bermula tahun depan, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Isnin.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk S. K. Devamany berkata lokasi di sekitar Lembah Klang yang dikenal pasti untuk pembinaan rumah berharga kurang dari RM300,000 itu termasuk Sungai Buloh, Kajang dan Semenyih.

Katanya kerajaan amat prihatin dengan masalah dan keperluan perumahan mendesak yang dihadapi rakyat berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar.

"Kerajaan dengan kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad dan Projek Rakyat 1Malaysia (PR1MA) senang mengenal pasti tanah bersesuaian bagi memastikan rancangan itu dapat direalisasikan tahun depan.

"Walaupun terdapat penggunaan tanah kerajaan untuk membangunkan projek mewah seperti Tun Razak Exchange, semua pihak tidak perlu kluatir kerana kerajaan tetap akan memenuhi keperluan rakyat bagi memastikan golongan berpendapatan sederhana berpeluang memiliki rumah," katanya ketika menjawab soalan Dr Dzulkefly Ahmad (PAS-Kuala Selangor).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701958>